



NEGERI PAHANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54

15hb Februari 2001

No. 4

No. 109.

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Kuantan akan diadakan pada 22 Mac 2001 (Khamis) di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah Kuantan, Jalan Masjid, Kuantan Pahang jam 9.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh mulai dari 1 April 2001 hingga 30 September 2001 hendaklah dibuat di dalam borang "Eksais 27" yang telah ditetapkan (dalam lima salinan) dan dihantar kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais Kuantan di alamat Pejabat Daerah Kuantan dan mesti sampai sebelum 30 hari dari tarikh mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon-pemohon sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 30 hari sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah Kuantan.

Bertarikh 7 Februari 2001.
[P.D.Ktn. 003/3 PT. 16 SJ. 1.]

DATO' MOHD MOHIDIN BIN HJ. SEMAN,
Pengerusi,
Lembaga Pelesenan Eksais,
Kuantan

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 110.

(Seksyen 263)

PERINTAH-PERINTAH JUAL ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Azhar bin Arshad, Penolong Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah tersebut itu:

Dan selanjutnya saya perintah:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 6 Mac 2001 bersamaan hari Selasa di Pejabat Tanah Lipis jam 10.00 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah GM 455: RM77,000.00 & GM 456: RM77,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang itu pada tarikh ini (4 Disember 2000) ialah RM643,704.22.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

| Bandar/ Pekan/ Mukim | No. Lot | Jenis dan No. Hakmilik | Bahagian Tanah (jika ada) | No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada) | No. Berdaftar Gadaian (jika ada) |
|----------------------------|---------|---------------------------|---------------------------------|---|--|
| | | GM | | | |
| Penjom | 3093 | 455 | Semua Bhg. | Tiada | Jld: 40, Folio 15, Pers. No: 983/97 |
| Penjom | 3094 | 456 | Semua Bhg. | Tiada | Jld: 40, Folio 15, Pers. No: 983/97 |

Bertarikh 4 Januari 2001.
[PTL. Pen. 15/077/99.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Lipis

No. 111.

Saya, Zakaria bin Man, Penolong Pentadbir Tanah Rompin, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu:

Dan selanjutnya saya perintah:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 20 Mac 2001 jam 10.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Rompin; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM150,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM174,212.48.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Tioman. No. P.T.—466. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 286. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Pers: 398/1995, Jil: 22, Fol: 91.

Bertarikh 11 Januari 2001.
[P.T. Rompin 4/2/0205.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Rompin

No. 112.

(Seksyen 264(3))

PENANGGUHAN-PENANGGUHAN LELONGAN AWAM

Kepada En. Jaraja @ S. Jeyarajah a/l Samuel, yang beralamat di 16 Lorong Telok Gadong 3 Off Jalan Sungai Bertek, 41250 Klang, Selangor Darul Ehsan. Peggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang telah ditetapkan pada 6 Mac 2001 jam 10.30 pagi bertempat di Pejabat Tanah Lipis, ditangguhkan pada 3 Mei 2001 jam 10.30 pagi, bertempat di Pejabat Tanah Lipis.

Sila hadir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Penjom. No. Lot—3089. Jenis dan No. Hakmilik—GM 449. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Jld. 37, Folio 87, Pers. No. 989/1996. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 19 Januari 2001.
[PTL. Pen. 15/047/2000.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Lipis

No. 113.

Kepada En. Goatrade Farming Sdn Bhd, yang beralamat di 43-2 Jalan Thambapillai, Off Jalan Tun Sambathan, 50470 Kuala Lumpur. Peggadai di dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Adalah dengan ini diberi notis bahawa Lelongan Awam bagi tanah tersebut yang telah ditetapkan pada 6 Mac 2001 jam 10.00 pagi bertempat di Pejabat Tanah Lipis, ditangguhkan pada 3 Mei 2001 jam 10.00 pagi, bertempat di Pejabat Tanah Lipis.

Sila hadir pada tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

| Bandar/ Pekan/ Mukim | No. Lot | Jenis dan No. Hakmilik | Bahagian Tanah (jika ada) | No. Berdaftar Pajakan/ Pajakan Kecil (jika ada) | No. Berdaftar Gadaian (jika ada) |
|----------------------------|---------|---------------------------|---------------------------------|---|--|
| | | GM | | | |
| Penjom | 3093 | 455 | Semua Bhg. | Tiada | Jld: 40, Folio 15, Pers. No: 983/97 |
| Penjom | 3094 | 456 | Semua Bhg. | Tiada | Jld: 40, Folio 15, Pers. No: 983/97 |

(Dua (2) Hakmilik sahaja)

Bertarikh 19 Januari 2001.
[PTL. Pen. 15/077/99.]

Pentadbir Tanah Daerah,
Lipis

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 114.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah untuk Kegunaan Tapak Dewan Perhimpunan Orangramai di Pekan, Mukim Pekan, Daerah Pekan.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Pekan. Mukim—Pekan.

| No. Lot Ukur | Hakmilik atau Pendudukan | Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan | Keluasan Lot | Anggaran Keluasan yang akan Diambil |
|-----------------|--------------------------------|---|-----------------|--|
| | GM | | Hektar | Hektar |
| 46 | 1983 | Samsiah binti Hassan Kg. Parit, Pekan 617/720 bhg., Sheikh Daud b. Ismail 20/720 bhg., Sheikh Hussin @ Baharum bin Sheikh Othman 63/720 bhg., Sheikh Omar b. Sheikh Ismail 20/720 bhg. | 0.112 | 0.037 |
| 47 | 180 | Meriam binti Mahussain 1/1 bhg. | 0.190 | 0.125 |
| 48 | 1787 | Haji Kamarul Baharin bin Abd. Manaf PL/A 93 Jalan Istana Permai, Kg. Panchor Pekan 1/1 bhg. | 0.185 | 0.185 |
| 50 | 877 | Hapizah binti Ja'afar 107, Jalan LLN, Kg. Parit, Pekan 1/1 bhg. | 0.074 | 0.074 |
| 2 Sek.8 | Geran 6015 | Anas bin Haji Ahmad Lot 4135 Kg. Permatang Badak, Kuantan 2/4 bhg., Hasnah binti Haji Mohd. Jamil 1/4 bhg. dan Noriah binti Haji Mohd. Jamil 1/4 bhg. | 0.326 | 0.326 |

Bertarikh 17 Januari 2001.
[PTP. 8/0260.]

Pengarah Tanah Dan Galian,
Pahang

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA